

23 JAN 2002
Hadi-Sekolah

TERENGGANU LULUS 18 DARIPADA 35 PERMOHONAN TANAH UNTUK BINA SEKOLAH

KUALA TERENGGANU, 23 Jan (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu memberi jaminan untuk meluluskan segera permohonan tanah bagi pembinaan sekolah di negeri itu dengan syarat permohonan itu mengikut proses yang betul.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam soal meluluskan tanah bagi pembinaan sekolah kerana bidang pendidikan adalah perkara yang penting.

"Sehingga kini kita terima 35 permohonan (tanah untuk pembinaan) sekolah di seluruh negeri sepanjang tahun lepas dan daripada jumlah itu 18 diluluskan dan hanya dua ditolak manakala selebihnya dalam proses di pejabat tanah dan belum dibawa ke mesyuarat exco," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa pembinaan 23 buah sekolah baru bernilai RM270 juta di seluruh negeri itu tergendala berikutan keengganan kerajaan negeri Terengganu meluluskan tapak bagi pembinaan sekolah itu.

Abdullah berkata projek yang dirancang pada tahun lepas itu melibatkan pembinaan 11 sekolah menengah dan 12 sekolah rendah.

Abdul Hadi berkata dua permohonan yang ditolak itu ialah di Besut iaitu Sekolah Kebangsaan Pelagat, kerana tapak tanah yang dipohon itu terlibat dengan cadangan pelan reka bentuk penempatan dan Sekolah Kebangsaan Kampung Nyior Tujuh, Besut, kerana terlibat dengan pembinaan padang bola.

Kerajaan negeri telah meminta pihak berkenaan supaya mencari tapak lain yang lebih sesuai bagi pembinaan dua sekolah itu, katanya.

Permohonan tanah untuk tapak 15 buah sekolah lagi masih dalam pertimbangan termasuk yang tidak melalui proses yang betul seperti kontraktor telah meratakan tanah tanpa mendapat kelulusan, katanya.

"Bagaimanapun, kita beri jaminan akan beri perhatian segera, kita anggap pendidikan perlu tapi mereka mungkin anggap ini peluang untuk mendapatkan wang," katanya.

Beliau berkata kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu mungkin dibuat berdasarkan laporan yang diterima daripada pemimpin-pemimpin Umno negeri dan bukannya daripada Jabatan Pendidikan.

Sementara itu, ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski), Abdul Hadi berkata kerajaan perlu memberi kelonggaran dalam bidang pendidikan terutama pra sekolah.

Akhbar semalam melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji membuat peraturan untuk melarang PAS daripada mengendalikan taski jika institusi itu terus diselewengkan dan digunakan untuk mendidik kanak-kanak asuhan itu supaya membenci pemimpin dan kerajaan.

Abdul Hadi berkata hak untuk menentukan pendidikan anak-anak perlu diberi sepenuhnya kepada ibu bapa dan tindakan undang-undang seperti itu tidak sesuai untuk kanak-kanak berusia enam tahun.

Beliau berkata tuduhan Perdana Menteri itu adalah tidak berasas dan meminta kerajaan mengemukakan bukti terperinci bahawa tenaga pengajar di taski terbabit menghasut pelajar untuk membenci kerajaan.

"Pasti (tadika kelolaan PAS) ini ada kurikulumnya, ajar fardhu ain iaitu akhlak yang baik, akhlak yang mulia, mempunyai sistem, mempunyai matlamat dan guru-guru Pasti ini dihantar kursus.

"Setiap Pasti juga dipantau oleh pihak pendidikan kita...adalah tidak wajar kita nak masukkan aspek-aspek yang lain daripada pendidikan pra sekolah yang diperlukan oleh mereka," katanya.

-- BERNAMA

SN RHM